

## KPDNHEP terima 2,772 aduan daripada pengguna

Mei 12, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KUALA TERENGGANU, 12 Mei** - Sejak Perintah Kawalan Pergerakan, PKP dilaksanakan pada 18 Mac lalu, 2,772 aduan pengguna diterima KPDNHEP.

Daripada jumlah itu, 86 sudah diambil tindakan dan telah dikenakan kompaun bernilai RM8,600 atas pelbagai kesalahan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid menyatakan perkara itu selepas mengadakan lawatan ke sebuah kilang memproses makanan, PERTIMA di Chendering Kuala Terengganu.

Jelasnya tiada masalah untuk menampung keperluan bekalan makanan dalam tin ketika ini.

Mengambil contoh di kilang PERTIMA, pengeluaran berjaya ditingkatkan berbanding sebelum pelaksanaan PKP.

Kilang anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Terengganu itu mampu mengeluarkan kira-kira 22,000 tin makanan diproses sehari berbanding 10,000 tin sebelum ini.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18274-kpdnhep-terima-2-772-aduan-daripada-pengguna>